

# Bengkel ToT UMS beri manfaat kepada guru abad ke-21

UB 2-10-2019 16

**BENGKEL** Train of Trainers (ToT) bagi pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) Level 1, diadakan di Bilik Seminar Bangunan Pas-casiswazah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 28 hingga 29 September lalu.

Ia memfokuskan kaedah Gamifikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atau disebut juga sebagai permainan berasaskan pendidikan di sekolah.

Gamifikasi adalah satu kaedah yang boleh digunakan oleh para guru untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk semua mata pelajaran di sekolah.

Dalam bengkel ToT ini, pelajar berpeluang meneroka dan menggunakan sendiri perisian PictoBlox iaitu salah satu perisian yang digunakan oleh para guru dalam men-

cipta permainan khususnya berkaitan dengan subjek-subjek tertentu, dimana permainan itu bertujuan membantu dalam proses pembelajaran di sekolah.

Bengkel ini diakhiri dengan sesi perkongsian daripada siswa dan siswi DPLI dan rata-ratanya berpuas hati dengan penganjuran bengkel ToT berkenaan, yang memberi satu pendedahan dan peluang untuk mempelajari kemahiran yang penting perlu diketahui oleh setiap bakal guru sesuai dengan ciri-ciri pendidik abad ke-21.

Bengkel ToT merupakan program anjuran bersama oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) dan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dimana penasihat program terdiri daripada pensyarah daripada kedua-dua fakulti iaitu

Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif (FPP), Prof. Madya Ir Dr. Muralindran Mariappan (Fakulti Kejuruteraan) dan Dr. Mad Noor Madjapuni (FPP).

Bengkel dikendalikan bersama oleh pelajar PhD dalam bidang Pendidikan Sains Nurlisa Zaharin (FPP) dan dua orang pembantu penyelidik iaitu Kong Tzer Ming dan Uswatun Nurrahman Noor Hassanah Bolikian (FPP).

Bengkel berkenaan dihadiri seramai 89 orang pelajar DPLI, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah sesi 2019/2020.

Bengkel ToT Tahap 2 dijadualkan akan diadakan pada 13 Oktober dan 14 Oktober 2019 sementara Tahap 3 pula akan diadakan seminggu selepas itu.



**RAKAM KENANGAN:** Pelajar DPLI UMS merakam gambar bersama penganjur.